

# Mahasiswa, kerajaan seiring realisasikan hasrat negara maju

**KOTA KINABALU:** Golongan mahasiswa diajak supaya bersama-sama dengan kerajaan untuk merealisasikan hasrat menjadi sebuah negara maju menjelang wawasan 2020.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata golongan itu seharusnya menghargai akan keamanan dan pembangunan yang dinikmati pada masa kini dan lebih bertanggungjawab untuk meningkatkan kemajuan negara pada masa hadapan.

“Pakar ekonomi yang menganalisis ekonomi Malaysia ada mengatakan bahawa negara kita boleh mencapai pembangunan negara dengan lebih awal lagi.

“Katanya kemajuan itu mungkin dicapai pada tahun 2018, iaitu lebih awal daripada tempoh yang dijangkakan pada tahun 2020,” katanya dalam ucap tamanyapada majlis ramah mesra siswa siswi Universiti Malaysia Sabah (UiTM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Sabah, di sini kelmarin.

Beliau yang juga Menteri Pendidikan berkata menerusi Program Transformasi Kerajaan, pendapatan perkapita rakyat telah berjaya dipertingkatkan daripada USD320 pada tahun 1977 kepada USD9.970 pada tahun

lepas.

“Pendapatan perkapita ini menunjukkan perbezaan yang ketara iaitu pada tahun 1977 hanya USD320, naik kepada USD1,820 (1980), USD2,370 pada 1990 dan USD6,700 pada tahun 2009, dan seterusnya meningkat sebanyak USD9,700 pada 2010 dan pada tahun lepas sebanyak USD9,970,” katanya.

Muhyiddin berkata kerajaan juga mensasarkan pendapatan rakyat akan mencecah sehingga USD15,000 iaitu kira-kira RM48,000 dengan adanya usaha serta dasar negara untuk menjadi negara maju.

Katanya, kemajuan yang ada bakal mewujudkan peluang pekerjaan sekaligus mengurangkan kadar pengangguran di negara ini.

Beliau turut menyuarakan harapannya agar mahasiswa menggunakan segala kemudahan dan bantuan yang disediakan bagi mencapai kejayaan agar mampu memberi sumbangan dan khidmat kepada kerajaan pada masa hadapan.

Sementara itu, Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun berkata UMS telah melahirkan siswa-siswi cemerlang bukan sahaja melalui bidang akademik malah melalui aktiviti kemahasiswaan.